

07 SEP 2002

Forum-Keganasan/I

POLITIK PUNCA UTAMA KEGANASAN, KATA PEGUAM AMERIKA

PULAU PANGKOR, 7 Sept (Bernama) -- Seorang peguam Amerika Syarikat yang aktif dalam rundingan damai di merata dunia hari ini memberitahu sebuah forum antarabangsa di sini bahawa punca keganasan adalah politik dan bukannya agama atau kebudayaan.

Paul S.Reichler berkata keganasan hanya dapat dihalang jika punca utamanya diberikan perhatian kerana kaitan politik terdapat dalam setiap insiden keganasan.

"Punca serangan 11 Sept bukan berhubungkait dengan Islam, tetapi politik terutama apabila ada golongan tertentu yang tidak mendapat layanan adil," katanya pada Forum Kepimpinan Asia Global: Istirehat Pangkor yang diadakan empat hari sebelum genap setahun insiden serangan di New York dan Washington.

Reichler berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi penekanan mengenai perkara itu semasa berjumpa Presiden George W.Bush di Washington tahun ini.

"Malangnya Amerika Syarikat bukan berusaha mengatasi punca keganasan tetapi sebaliknya mahu menyerang Iraq," katanya.

Beliau berkata demikian semasa mengulas perbincangan anggota-anggota panel.

Reichler yang membantu rundingan damai antara kerajaan dan pasukan pemberontak Nicaragua pada tahun 1988, kesal kerana perbincangan mengenai keganasan tidak mencakupi soal politik.

Beliau berkata negara-negara Asia Barat dan rakyat mereka membenci Amerika Syarikat disebabkan kerajaan negara itu menafikan hak kebebasan rakyat Palestin.

"Mereka membenci Amerika Syarikat kerana dasarnya yang menyebabkan rakyat Iraq merana," katanya.

Beliau berkata undang-undang antarabangsa juga tidak membenarkan serangan untuk menjatuhkan Presiden Saddam Hussein.

Beliau berkata bagi mencapai keamanan dunia, Amerika Syarikat perlu melakukan perubahan sikap dan menyediakan dasar baru yang membantu golongan yang tertindas dan tidak mendapat keadilan.

Reichler berkata tidak ada jalan lain untuk mencegah berulangnya kejadian seperti serangan 11 Sept kecuali dengan menangani ketidakadilan yang berpunca daripada kepentingan politik.

Anggota panel, Tan Sri Dr Noordin Sopiee sementara itu berkata adalah penting Amerika Syarikat tidak diperangkap oleh penganas atau melakukan kesilapan taktikal dan strategik yang besar.

Katanya, adalah satu kesilapan besar untuk "menguasai" Iraq tetapi "kehilangan" Arab Saudi, Jordan, Mesir, Pakistan, Turki dan Iran.

"Amerika Syarikat perlu mengubah dasar luar yang menjadi punca kemarahan, kepedihan dan kebencian di merata dunia. Paling utama ialah isu Palestin...ia satu senario yang sedih yang dipenuhi tragedi ngeri dan ketidakadilan," tambahnya.

-- BERNAMA

AR MR AAM MOZ